

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
KAWASAN : TASEK GELUGOR
TARIKH : 9.6.2014 (ISNIN)
NO. SOALAN : 61

Y.B Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan pencapaian perdagangan industri halal sejak ianya dilancarkan oleh Kerajaan Malaysia dan apakah halangan-halangan yang perlu diatasi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Perdagangan produk halal negara mula dipantau pada tahun 2010. Negara mengeksport produk halal bernilai RM15.2 bilion pada tahun 2010. Nilai eksport ini terus meningkat kepada RM23.8 bilion pada tahun 2011, RM31.9 bilion pada tahun 2012 dan RM32.8 bilion pada tahun 2013.

Antara barangan utama yang dieksport adalah ramuan halal, makanan dan minuman halal serta bahan daripada kelapa sawit. Destinasi utama bagi produk halal negara adalah Negara China, Amerika Syarikat dan Singapura.

Bagi tahun 2013 sahaja, nilai eksport produk halal meningkat 2.7% berbanding tahun 2012 dan turut menyumbang 4.6% kepada jumlah eksport keseluruhan negara. Di antara produk-produk yang dihasilkan dan dieksport adalah makanan dan minuman halal (RM13.2 bilion), ramuan halal (RM10.6 bilion) dan bahan daripada kelapa sawit (RM4.8 bilion). Produk-produk halal negara di pasaran ke Republik Rakyat China (RM4.4 bilion), Singapura (RM3.1 bilion) dan Amerika Syarikat (RM2.7 bilion).

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Antara halangan-halangan yang perlu diatasi adalah:

- Kebanyakan syarikat tempatan kekurangan skala pengeluaran dan hanya memberi tumpuan kepada permintaan domestik. Dalam industri makanan diproses, 98 peratus daripada syarikat-syarikat yang terlibat merupakan pengusaha kecil dan sederhana (PKS) dengan purata pendapatan yang amat rendah.
- Peserta tempatan kurang memberi tumpuan kepada inovasi pengeluaran. Syarikat tempatan membelanjakan hanya

sebahagian kecil sahaja peruntukan untuk pembangunan dan penyelidikan (R&D) atau inovasi.

- Peserta tempatan kekurangan sumber dan kepakaran untuk melaksanakan promosi dan penjenamaan yang melibatkan kos yang tinggi untuk diketengahkan ke pasaran halal global.
- Produk yang dikeluarkan perlu memenuhi kehendak pasaran dan cita rasa pengguna tempatan di mana adalah perlu risikan pasaran dikendalikan sebelum memasarkan pengeluaran di sesuatu negara yang disasar.
- Usahawan tempatan perlu mematuhi keperluan piawaian yang diperlukan oleh sesebuah pasaran seperti menepati Amalan Pengilangan Baik (*Good Manufacturing Practice*) dan keselamatan makanan.
- Industri tempatan terlalu bergantung kepada bahan mentah yang diimport serta kesukaran untuk memperoleh bekalan ramuan yang halal.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN LOKE SIEW FOOK
[SEREMBAN]**

TARIKH : 9 Jun 2014 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta PERDANA MENTERI menyatakan butiran terperinci kos yang dibayar oleh Kerajaan kepada peguam Muhammad Shafee Abdullah yang dilantik oleh Peguam Negara sebagai Timbalan Pendakwa Raya dalam rayuan kes tuduhan meliwat yang membabitkan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Peguam bela Tan Sri Dr. Muhammad Shafee bin Abdullah diambil berkhidmat oleh Kerajaan Malaysia bagi mengendalikan rayuan oleh Pendakwa Raya terhadap YB Permatang Pauh atas kepakarannya dalam mengendalikan kes-kes jenayah berdasarkan pengalaman beliau sebagai Timbalan Pendakwa Raya pada suatu ketika dahulu dan kini sebagai peguam bela.

2. Perkhidmatan yang diberikan oleh beliau adalah dengan bayaran yang nominal. Atas alasan kerahsiaan hubungan profesional antara majikan dengan pelanggan, jumlah bayaran itu tidak boleh didedahkan. Sebarang pendedahan yang dibuat tanpa kebenaran kedua-dua pihak boleh mengakibatkan tindakan undang-undang diambil ke atas pihak yang melanggarnya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN
[SIK]**

TARIKH : 9 JUN 2014 (ISNIN)

SOALAN

Dr. Mansor bin Abd Rahman [Sik] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian ke atas pengendali perkhidmatan pengangkutan awam yang terlibat di dalam kemalangan maut.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan peruntukkan di dalam Akta Pengangkutan Awam Darat 2010, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D) boleh mengambil tindakan seperti penggantungan atau pembatalan lesen pengendali atas kesalahan melanggar syarat lesen.
2. Bagi kes kemalangan maut yang membabitkan pengangkutan awam, pihak S.P.A.D. akan menjalankan siasatan dan audit untuk mengenal pasti sama ada pengendali atau pengusaha pengangkutan awam berkenaan telah mengambil langkah pengurangan risiko dan pemantauan operasi telah dilaksanakan seperti yang telah ditetapkan di dalam Kod Amalan Industri (ICOP) Keselamatan S.P.A.D. untuk pengendali bas. Kegagalan pematuhannya boleh dikenakan tindakan penggantungan sehingga perkara yang diperlukan di bawah ICOP Keselamatan S.P.A.D. tersebut dipatuhi.
3. Selain daripada pematuhan ke atas ICOP Keselamatan S.P.A.D, pelaksanaan yang berkesan akan juga diteliti, antaranya seperti menjalankan pemantauan untuk memastikan kenderaan tidak dipandu melebihi had laju yang dibenarkan. Kegagalan pematuhan pelaksanaan ini juga boleh mengakibatkan lesen pengendali digantung sehingga pematuhan dilaksanakan dengan berkesan. Seterusnya, kegagalan memenuhi keperluan yang dinyatakan juga boleh mengakibatkan lesen kenderaan dibatalkan.

Sekian, terima kasih.